Pekeliling Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan
Bilangan 6/2017

Penyampaian Ganti Notis Di Bawah Subseksyen 432(1) Kanun Tanah Negara

Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan
Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar
Putrajaya
2017

© Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan, 2017

Hak cipta terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan dalam bentuk yang boleh diperoleh semula atau dihantar dalam sebarang bentuk atau apa jua cara sama ada secara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman atau sebaliknya tanpa mendapat keizinan terlebih dahulu daripada Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan.

Maklumat Dokumen

Tajuk dokumen	Pekeliling Ketua Pengarah Tanah Dan Galian Persekutuan Bilangan 6/2017
Disediakan oleh	Bahagian Dasar dan Konsultasi, Sektor Kemajuan Pengurusan dan Perundangan, Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan
Alamat	Aras 4, Wisma Sumber Asli, No. 25, Persiaran Perdana, Presint 4 Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62574 Putrajaya
Telefon	03-8871 2669
Faks	03-8881 0802
E-mel	bdk@jkptg.gov.my
Kategori dokumen	Terbuka
Tarikh kuat kuasa	24/2/2017

Kawalan Versi Dokumen

Versi	Tarikh	Ringkasan Pindaan
1	24/2/2017	—

Pekeliling Ketua Pengarah Tanah Dan Galian Persekutuan
Bilangan 6/2017

PENYAMPAIAN GANTI NOTIS DI BAWAH SUBSEKSYEN 432(1) KANUN TANAH NEGARA

Pekeliling ini dikeluarkan untuk menasihatkan Pendaftar-pendaftar Hakmilik dan Pentadbir-pentadbir Tanah mengenai tindakan yang perlu diambil dalam menyampaikan notis gantian di bawah subseksyen 432(1) Kanun Tanah Negara (KTN).

2. Subseksyen 432(1) KTN memperuntukkan bahawa Pendaftar Hakmilik dan Pentadbir Tanah boleh menyempurnakan penyampaian satu-satu notis itu dengan meletakkan satu salinan notis itu di satu tempat yang mudah dilihat iaitu:

(i) di atas tanah itu;
(ii) di bangunan mahkamah, masjid atau pejabat atau balai penghulu, dewan komuniti atau tempat awam lain yang difikirkannya sesuai dalam kawasan di mana tanah itu terletak.

3. Salinan notis tersebut hendaklah disiarkan dalam warta kerajaan dan sekiranya Pentadbir Tanah atau Pendaftar Hakmilik memikirkan patut, hendaklah juga disiarkan dalam sebuah atau lebih akhbar yang diedarkan dalam negeri itu.

4. Berdasarkan Akta Kanun Tanah Negara (Pindaan) 2016 [Akta A1516], kuasa untuk membuat penyampaian ganti ini diberikan bukan sahaja kepada Pendaftar, tetapi juga kepada Pentadbir Tanah. Oleh itu, bagi hakmilik Pejabat Pendaftar, notis yang asalnya disampaikan oleh Pentadbir Tanah, misalnya bagi notis 6A dan 7A yang tidak dapat disampaikan secara penyampaian biasa boleh terus dibuat penyampaian ganti tanpa perlu merujuk kepada Pendaftar Hakmilik.

5. Akta A1516 juga telah memperuntukkan bahawa keperluan untuk mengeluarkan perintah bagi penyampaian ganti ditiadakan, maka Pendaftar Hakmilik dan Pentadbir Tanah boleh menguruskan penyampaian ganti sehingga sempurna penyampaian satu-satu notis itu seperti para 2 dan 3 Pekeliling ini.

6. Berdasarkan seksyen 5(2) Akta Hakmilik Strata 1985 yang memperuntukkan tentang pemakaian Kanun Tanah Negara bagi menjalankan peruntukan di bawah Akta Hakmilik Strata 1985, maka penyampaian notis ganti ini juga terpakai bagi penyampaian notis di bawah Akta tersebut.

7. Dengan berkuatkuasanya Akta A1516, maka Pekeliling Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan Bil. 29/2009 bertajuk Penyampaian Ganti Notis Di Bawah Subseksyen 432(1) Kanun Tanah Negara dengan ini dibatalkan.

(DATO' DR. SALLEHUDDIN BIN ISHAK)
KETUA PENGARAH TANAH DAN GALIAN PERSEKUTUAN

No. Fail : JKPTG-950/100-1/7/1 Jld. 4
Tarikh : 24 Februari 2017